

By : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Venue:
Date : 21-05-2004
Title: MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SASTERA KUMPULAN UTUSAN
2003

Yang Berbahagia Datuk Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin,
Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu (Malaysia) Berhad

Yang berusaha Encik Rob Fisher
Pengerusi, Subsidiari-subsidiari ExxonMobil di Malaysia

Panel hakim dan pemenang-pemenang Hadiah Sastera
Kumpulan Utusan 2003

Dif-dif kehormat

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat
Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kumpulan Utusan yang telah sudi mengundang saya ke Majlis Penyampaian Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2003. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kumpulan Utusan kerana telah berjaya untuk melangsungkan acara Hadiah Sastera Kumpulan Utusan ini sekali lagi pada tahun ini. Saya difahamkan bahawa program tahunan ini telah diadakan setiap tahun dan ini adalah kali ke-19 ianya diadakan. Ini adalah suatu pencapaian yang baik yang boleh dibanggakan kerana 19 tahun adalah satu jangka masa yang amat panjang bagi sesuatu program seumpama ini untuk bertahan.

Program ini adalah inisiatif yang amat baik dalam membangunkan dan memperkayakan budaya dan sastera negara dan patut diberi penghargaan. Saya percaya usaha ini pastinya akan mengenengahkan penulis-penulis baru di samping meramalkan lagi bilangan penulis di negara kita yang berkemampuan menghasilkan penulisan karya yang mempunyai nilai dan mutu sastera yang tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sastera amat penting kepada sesebuah masyarakat. Ketamadunan sesebuah bangsa kerap kali dinilai berasaskan nilai kesusasteraan bangsa tersebut. Tamadun-tamadun yang teragung di dunia sama ada tamadun purba seperti Mesir, Yunani, Farsi dan Rom, mahupun tamadun yang wujud dalam sejarah moden, seperti empayar Islam, empayar British dan sebagainya, kekal dalam ingatan manusia, antara lain adalah kerana khazanah sastera peninggalan tamadun-tamadun tersebut.

Maka dalam usaha kita membentuk sebuah bangsa yang lebih berdaya maju, dan lebih dihormati dan disegani oleh dunia sejagat, kita juga harus memperkukuhkan nilai sastera bangsa kita. Selain kita berusaha sedaya upaya untuk membina sebuah negara maju yang kukuh kedudukan ekonominya, stabil keadaan politiknya dan canggih prasarana fizikalnya, kita juga perlu membentuk masyarakat yang amat tinggi penilaian sasteranya. Ini penting kerana kekayaan sesebuah masyarakat seringkali di ukur dari segi mutu budayanya. Sastera sesebuah bangsa adalah mercu tanda ketamadunannya.

Bagi merealisasikan wawasan ini, hasil karya sasterawan-sasterawan haruslah bermutu tinggi. Ia seharusnya bukan sahaja memenuhi citarasa dan kehendak penggemar sastera tanah air, malah hasil-hasil karya tersebut seharusnya bertaraf antarabangsa. Karya-karya sastera yang benar-benar bermutu akan mampu merintangangi jurang perbezaan bahasa dan budaya, dan boleh diterima oleh penggemar sastera di mana sahaja mereka berada.

Demikian telah dibuktikan oleh beberapa penulis seperti penulis klasik terkemuka dari Perancis, Victor Hugo, dan penulis-penulis moden seperti Vikram Seth dan Malikka Oufkir. Hasil penulisan mereka, walaupun ditulis dalam bahasa asal mereka ataupun mengisahkan budaya tempatan mereka, namun ia tetap menjadi popular di kalangan penggemar sastera seluruh dunia, walaupun setelah diterjemahkan. Ini kerana mutu dan seni yang terkandung dalam karya mereka terserlah dan mampu dihargai oleh semua penggemar sastera.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk menghasilkan karya-karya demikian memerlukan pengetahuan yang luas. Penguasaan ilmu amat penting dalam usaha untuk menghasilkan sesebuah karya yang bertaraf antarabangsa atau karya yang dapat dijadikan bahan rujukan para pengkaji sastera. Zaman menghasilkan karya yang tidak mempunyai "substance", tidak mencerminkan penyelidikan yang terperinci serta pemahaman yang mendalam tentang subjek yang dikupas, kini telah lama berlalu. Sebaliknya karyawan pada zaman ini perlu berusaha menghasilkan karya yang akan menjana pemikiran dan menggalakkan kritikan membina terhadap isu-isu tertentu yang dibangkitkan dalam karya tersebut. Karya-karya perlulah berupaya menggerakkan minda dan bukan hanya berasaskan angan-angan dan khayalan semata-mata.

Bagi mencapai taraf ini, para penulis seharusnya lebih terbuka dalam menimba pengalaman dan pengetahuan mereka. Mereka tidak harus hanya menghadkan pergaulan dalam kelompok mereka sahaja tetapi sebaliknya harus kerap membuka pemikiran mereka dan merenung dunia luar bagi mengetahui perkembangan penulisan di peringkat antarabangsa.

Sesungguhnya, pengalaman yang lebih luas akan memastikan seseorang penulis itu berkemampuan untuk mempelbagaikan hasil penulisannya. Tiada seorang penulis pun yang akan berjaya menulis dengan baik sekiranya mereka hanya duduk di bawah tempurung dan tidak mahu bercampur gaul dan bertukar-tukar fikiran dengan kelompok lain. Sikap ini akan hanya membuatkan mereka menulis mengikut kemahuan sendiri, sempit dan tidak mempunyai pengisian yang relevan dengan persoalan dunia. Akhirnya karya-karya mereka tidak bermutu, dan tidak mendapat sambutan, dan lebih mengecewakan, karya-karya seperti ini pastinya langsung tidak akan menyumbang kepada peningkatan mutu sastera tanah air.

Oleh itu, saya berpendapat bahawa penulis-penulis seharusnya merebut sebarang peluang untuk menimba pengalaman yang lebih luas dalam apa bentuk sekali pun. Sertailah seminar antarabangsa, bengkel, pertemuan dan sebagainya bagi melebarkan lagi interaksi antara penulis, pengarang, penerbit dan sebagainya bagi mendapatkan gambaran yang lebih luas mengenai sastera semasa. Untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu,

dan lebih luas penerimaannya di kalangan masyarakat, penulis sendiri harus bersikap pro-aktif dan berdaya maju.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tidak dapat dinafikan bahawa peranan dan pengaruh penulis amat kuat dalam pembangunan dan pemikiran masyarakat. Pepatah Inggeris ada menyebut "The pen is mightier than the sword". Penulis yang berpengaruh amat berkuasa sekali. Karya mereka dibaca, diteliti dan diserap oleh pembaca. Sikap dan emosi masyarakat mampu terpengaruh sama sekali, hanya melalui penulisan-penulisan yang membawa kesan yang mendalam.

Oleh itu, penulis-penulis harus mempunyai tanggungjawab sosial dan moral dalam penulisan mereka. Sewajarnya penulis-penulis perlu menghasilkan penulisan-penulisan yang berbentuk positif dan berasaskan kajian dan fakta. Ia haruslah mencerminkan realiti masyarakat dan mengengahkan isu-isu setempat. Isu-isu yang relevan akan dapat mempengaruhi pemikiran dan dasar sesebuah bangsa. Walau bagaimanapun, ini bukanlah bermakna karya berbentuk fantasi tidak diiktiraf tetapi ia haruslah tidak melampaui batasan nilai-nilai sosial dan agama sesuai dengan cara hidup, adat dan budaya kita. Nilai-nilai ketimuran yang kita sanjungi perlu sentiasa dipelihara. Seharusnya, tidak ada kompromi dalam melindungi nilai-nilai murni yang menjadi amalan masyarakat kita.

Justeru itu, penulis-penulis seharusnya mengelakkan dari menghasilkan karya yang berbentuk terlalu provokatif sehingga menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan. Perbuatan menghasilkan karya-karya yang berbentuk hasutan, mencerca, subversif dan sebagainya akan hanya merosakkan pemikiran rakyat, mengancam perpaduan dan tidak ada kebaikannya kepada penulis sendiri.

Walaupun bagaimanapun, Alhamdulillah, kita bersyukur kerana di Malaysia keadaan ini tidak berlaku dengan ketara. Penulis-penulis tanah air kebanyakannya menyedari tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan negara. Pihak kerajaan pula tidak menyekat kebebasan karyawan tanah air selagi mereka tidak menyalahgunakan kelonggaran yang diberi. Penulis-penulis diberi

kebebasan yang luas untuk berkarya asalkan hasil karya mereka tidak mengandung unsur-unsur negatif yang melampau atau mempunyai elemen subversif.

Kritikan juga tidak dihalang jika kritikan yang dibuat adalah kritikan membina, berasas, tidak keterlaluan dan berniat baik untuk memupuk perpaduan dan memajukan lagi masyarakat, dan bukan untuk menimbulkan kekacauan. Kita harap penulis-penulis, menghargai kebebasan yang mereka miliki di negara ini, dan kita juga berharap agar mereka menyedari peranan mereka yang amat penting dalam usaha kita mencapai Wawasan 2020 dan membentuk negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya amat yakin bahawa terdapat banyak bakat penulisan dan sastera di kalangan masyarakat kita. Saya harap bakat-bakat ini akan terserlah dan mengharumkan nama negara di persada sastera dunia. Justeru, saya menyeru kepada para penulis untuk terus meningkatkan usaha mereka dan terus menyumbang ke arah ini tanpa jemu, sehingga kita mencapai kejayaan.

Di samping itu, saya ingin menyarankan supaya penulis-penulis tanah air bergerak dengan cara yang lebih tersusun dan teratur melalui persatuan-persatuan penulis, khususnya dalam usaha menilai hasil-hasil karya terkini, dan kemudiannya memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada hasil-hasil karya yang bermutu tinggi. Ini pastinya akan membawa kepada peningkatan mutu hasil karya sastera oleh penulis-penulis tempatan. Kita ingin lihat nama-nama penulis dari Malaysia dikenali oleh penggemar sastera di seluruh dunia, dan kita yakin bahawa impian ini boleh dicapai jika penulis-penulis diberikan galakan yang sewajarnya dan jika penulis-penulis sendiri menunjukkan ketekunan dan kegigihan dalam melahirkan karya yang benar-benar bermutu tinggi.

Ingatlah, karya-karya yang hebat tidak semestinya dihasilkan oleh penulis-penulis Barat. Banyak karya dari negara-negara Timur khasnya di Nusantara yang telah dikaji bertahun-tahun dan masih relevan dengan situasi dunia hari ini. Lihat sahajalah buku-buku sastera Melayu seperti Sejarah Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa dan Hikayat Hang Tuah yang masih dijadikan bahan rujukan para cendekiawan dan orang bijak pandai seluruh dunia.

Yakinlah bahawa kita sememangnya mampu menghasilkan karya-karya sastera yang diiktiraf di kalangan komuniti sastera dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya percaya program seperti Hadiah Sastera ini, adalah langkah yang amat penting ke arah meningkatkan kecemerlangan kesusasteraan di negara kita. Ia memberi satu pengiktirafan kepada penulis dan ini sekali gus menggalakkan perkembangan sastera di negara ini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Utusan di atas kejayaan mereka menganjurkan program ini, dan di atas keprihatinan mereka dalam memperjuangkan kecemerlangan sastera tanah air.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada ExxonMobil di atas penglibatan mereka dalam inisiatif ini. Kita amat menghargai sumbangan warga korporat dalam membentuk masyarakat Malaysia yang lebih kreatif, inovatif dan progresif. Semoga lebih banyak badan korporat akan mencontohi penglibatan ExxonMobil, dan turut menyumbang ke arah kejayaan kita bersama.

Kepada semua pemenang yang berjaya pada hari ini sekalung tahniah saya ucapkan. Saya percaya anda semua menjadi contoh kepada penulis-penulis lain untuk terus berusaha hingga berjaya. Saya doakan semoga kemenangan ini akan menjadi pendorong kepada anda semua untuk terus menghasilkan karya yang bermutu, seterusnya menyemarakkan lagi semangat anda untuk meneruskan perjuangan di medan sastera.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.